

NILAI-NILAI PENJAWAT AWAM H.E.M.A.T

HEMAT membawa dua (2) maksud iaitu sikap penjawat awam dalam membelanjakan dana awam secara berjimat-cermat dan tidak boros. Dari segi sifat pula, **HEMAT** bermakna cara penjawat awam menjalankan tugas dengan pengamatan dan penelitian secara mendalam.

Akronim HEMAT terdiri daripada kombinasi beberapa nilai yang diwakilkan oleh setiap huruf di dalamnya iaitu:

H – Hijrah Tata Kelola

Berani berhijrah menerusi **kepekaan dengan tuntutan perubahan semasa**, menjalankan tugas dengan **rapi, cekap** dalam pelaksanaan tugas, dan mengamalkan **komunikasi secara efisien**.

E – Empati Rakyat

Mendengar dan memahami permasalahan rakyat, sentiasa **prihatin** dan menyayangi rakyat, serta menumpukan kepada pelaksanaan pelbagai inisiatif yang dapat memberikan **kesejahteraan kepada rakyat**.

M – Minda Pekin

Sentiasa bersikap **cermat** dalam membelanjakan dana awam, sentiasa **kreatif dan inovatif** dalam memanfaatkan sumber-sumber sedia ada, mempunyai minda “value for money”, dan menjalankan tugas secara **kerjasama strategik** antara organisasi.

A – Apresiasi Inovasi

Sentiasa menyokong dan menghargai perkembangan **idea-idea baharu** bagi memperkasakan Perkhidmatan awam, **meneroka pelbagai inisiatif baharu** yang bersesuaian dengan kehendak semasa, dan berusaha untuk **memartabatkan inisiatif digital baharu** yang efisien.

T – Telus Tadbiran

Menyematkan **nilai-nilai integriti** dalam menjalankan tugas sehari-hari, sentiasa membudayakan amalan **semak dan imbang** bagi melancarkan pelaksanaan tugas, dan **meraikan pandangan luar** yang dapat memantapkan lagi kualiti kerja yang dijalankan.